

18 NOV 2003

Indon-Pasir/I

PARTI POLITIK DITUDUH EKSPORT PASIR UNTUK BIAYAI KEMPEN PILIHAN RAYA

Oleh: Openg Onn Net

JAKARTA, 18 Nov (Bernama) - Sebuah kumpulan aktivis alam sekitar, Walhi-Wahana Lingkungan Hidup Indonesia, mendakwa cadangan negara itu untuk mengeksport pasir ke Malaysia mempunyai kaitan dengan rancangan sebuah parti politik di negara ini untuk mengumpul wang bagi membiayai kempen pilihan rayanya tahun depan.

Pengarah eksekutif kumpulan itu, Longgena Ginting yang enggan mendedahkan nama parti politik berkenaan berkata pihaknya menentang cadangan itu kerana ia akan merosakkan kawasan sekitar marin di wilayah Riau, tempat pasir yang akan dieksport itu diambil.

"Kami tahu ia adalah sebahagian daripada skim yang mempunyai kaitan dengan sebuah parti politik yang ingin mengumpul dana bagi pilihan raya umum 2004," kata beliau sambil menambah Walhi telah mengumpul tanda tangan kira-kira 50,000 penduduk Riau yang menentang cadangan untuk meneruskan eksport pasir dari negara ini.

Longgena berkata Walhi akan menyerahkan petisyen yang mengandungi tandatangan tersebut kepada kerajaan yang bercadang mengeksport pasir ke Malaysia.

Beliau berkata petisyen yang sama akan dihantar kepada Menteri Perdagangan dan Industri Rini Soewandi dan Menteri Negara bagi Alam Sekitar, Nabiul Makarim, yang sebelum ini turut melahirkan bantahan mereka terhadap cadangan tersebut.

Aktivis alam sekitar juga menentang cadangan kerajaan untuk mengeksport pasir ke Malaysia kerana bimbang ia akan dijual kepada Singapura yang amat memerlukan bahan itu bagi menjayakan projek penambakan lautnya yang dibuat secara besar-besaran.

Minggu lepas, Duta Malaysia ke Indonesia, Datuk Hamidon Ali menafikan tuduhan bahawa pasir yang diimport oleh Malaysia akan digunakan dalam projek penambakan laut di Melaka dan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor.

Sejak sekian lama, Singapura melaksanakan projek penambakan lautnya dengan menggunakan pasir dari Riau yang didakwa oleh aktivis alam sekitar dibeli daripada pengeksport yang meragukan.

Sejak Februari tahun ini, kerajaan Indonesia menghentikan untuk sementara pengambilan pasir dari Riau.

Eksport pasir menjadi isu hangat selepas pertemuan antara Menteri Marin dan Perikanan Indonesia Rukhmin Dahuri dan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak Asean di Bali awal bulan lepas bagi membincangkan kemungkinan Indonesia mengeksport pasir ke Malaysia.

Sekiranya cadangan itu menjadi kenyataan, ia akan dilaksanakan sebagai projek antara kerajaan dan kerajaan dengan menggunakan suatu sistem yang telus di mana jumlah pasir yang dieksport diumumkan kepada orang ramai.

-- BERNAMA

OPP AHH SP RHM